

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 18 OKTOBER 2022  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 12

### Egoisme negara kuasa besar punca kemelesetan ekonomi, inflasi global

# Egoisme negara kuasa besar punca kemelesetan ekonomi, inflasi global

- Kemelesetan atau kejatuhan ekonomi bukan hanya akan berkesan terhadap negara maju, bahkan secara signifikan kepada negara membangun dan miskin
- Negara kuasa besar terbabit dalam perebutan pengaruh geopolitik dan geostrategik hanya melihat inflasi ekonomi mudah diselesaikan dengan pendekatan monetarisme



Oleh Dr Mohammad Fajr Ikhwan  
bhrenanca@bh.com.my

Pensyarah Kanan di Pusat Pengajian Antarabangsa dan Felo Penyelidik di Asian Institute of International Affairs and Diplomacy (AIJAD), Universiti Utara Malaysia

Keadaan ekonomi global beberapa tahun kebelakangan memang sudah berada dalam fasa amat membimbangkan. Beberapa permasalahan utama seperti skandal perumahan subprima di Amerika Syarikat (AS) mengheret kepada krisis ekonomi pada 2008, ketegangan geopolitik antara kuasa besar itu dengan China membawa perang dagang dan isu kesihatan global pandemik COVID-19 belum selesai hingga kemuncak krisis geopolitik Rusia-Ukraine.

Merujuk kepada unjuran dikeluarkan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), maka 2023 ialah tahun amat mengerikan bagi pertumbuhan ekonomi dunia.

Bahkan, IMF menurunkan unjuran pertumbuhan tahun depan daripada 3 peratus kepada 1.9 peratus bagi pertumbuhan global.

Kemelesetan atau kejatuhan ekonomi bukan hanya akan berkesan terhadap negara maju, bahkan secara signifikan kepada negara membangun dan miskin.

Pelbagai inisiatif selalunya mengacu kepada dasar monetarisme digunakan sebagai instrumen utama mengatasi inflasi cenderung menjadi alat tidak efektif ketika ini.

Bahkan negara membangun menggunakan model sama dengan negara maju, terutama meningkatkan kadar faedah dan simpanan. Justeru, kadar faedah meningkat, pemotongan aliran modal terhadap negara membangun dan beban hutang bagi semakin meningkat, sekali gus menjelaskan golongan miskin.

Hal itu dapat dilihat inflasi global pada saat ini disebabkan kegagalan dari sisi rantai bekalan, bukannya tingginya tingkat permintaan pasar. Terlihat jelas dasar ekonomi bersifat pelindung pada dua tahun terakhir ketika COVID-19 mengganggu kestabilan rantai bekalan, terutama apabila negara cenderung menutup sempadan.

Justeru, ia memberikan kesan kepada kelewatan transaksi perdagangan atas barang dan komoditi seharusnya diperoleh dari negara lain.

Namun, tahun ini menjadi lebih mencabar apabila negara penghasil komoditi gas, minyak dan bahan seperti Russia serta Ukraine terbabit dalam krisis geopolitik tidak kunjung selesai.

Krisis geopolitik ini menjadikan Barat, termasuk AS dan beberapa negara Eropah memberikan sanksi ekonomi kepada Russia sebagai reaksi terhadap serangan ketenteraan dilakukan di Ukraine.

Beberapa halnya dengan Russia membala untuk menyekat beberapa entiti peniaga dan syarikat AS serta Eropah agar tidak dapat menjalankan perniagaan.

Dapat dilihat ketegangan geopolitik sudah memberikan kesan kepada kelewatan dan keterhadan transaksi ekonomi negara kuasa besar yang membawa peningkatan harga barang dan komoditi utama.

Namun, kebanyakan kuasa besar seperti AS cuba mengatasinya menerusi dasar ekonomi

domestik seperti meningkatkan Kadar Faedah Semalam (OPR) mengikut nasthat dan keputusan bank pusat masing-masing, terutama menguatkan nilai tukar wang.

#### Kenaikan kadar faedah, inflasi

Soalnya, adakah meningkatkan kadar faedah dalam situasi krisis dari sisi bekalan dapat menurunkan harga barang dan komoditi di dalam negara dan memberikan kesan positif kepada masyarakat?

Jika merujuk Kemelesetan Besar (Great Depression) di AS pada 1929, ahli ekonomi mengkritik dasar monetarisme dikeluarkan Rizab Persekutuan AS (Fed) kerana menjadi antara penyebab krisis lebih teruk.

Fed dikritik kerana tidak mencapai matlamatnya untuk mencapai kestabilan lebih besar dan inflasi rendah.

Begitu juga, dengan keadaan saat ini, tentunya peningkatan kadar faedah bank pusat di beberapa negara maju tidak dapat mengatasi inflasi kerana ia wujud disebabkan kekurangan bekalan dari negara lain diikatkan keputusan unilateral negara kuasa besar berkenaan.

Namun, kita melihat bank pusat di negara membangun juga cuba mengikuti dasar monetarisme dijalankan negara kuasa besar dengan meningkatkan kadar faedah tertentu.

Hasilnya, ia tidak memberikan kesan signifikan terhadap kawalan harga barang dalam ekonomi domestik dan menyebabkan kegagalan dalam pertumbuhan ekonomi dan masyarakat itu sendiri.

Menaikkan kadar faedah ketika ini tidak dapat menjadikan jalur prospektif kerana inflasi wujud bukan kerana peningkatan gaji kelas pekerja hingga wang beredara di pasaran menjadikan terlalu banyak (kelebihan wang).

Namun, ia disebabkan rantaian bekalan barang dan komoditi terganggu dari luar. Pendekatan campur tangan dari sisi bekalan oleh negara sangat diperlukan dengan memfokuskan pelaburan dalam sektor sumber manusia, termasuk untuk mengurangi pengangguran.

Apabila inflasi terjadi dalam masa panjang, ia akan mengarah kemelesetan dan stagflasi ekonomi dengan jumlah pengangguran akan meningkat, ditambah kegagalan masyarakat membayar hutang kerana nilai kadar faedah naik.

Berikutnya, kerajaan perlu memfokuskan hasil produksi dalam negara khususnya bagi pelaku industri mahupun ekonomi kelas menengah dan bawah, iaitu perusahaan kecil dan sederhana (PKS), terutama menerusi subsidi serta dana untuk menghasilkan inovasi dan teknologi baharu.

Selanjutnya, campur tangan negara diperlukan untuk memastikan pelaburan dalam sektor awam, termasuk pendidikan, infrastruktur, perumahan

maupun kesihatan.

Meskipun pendekatan ini akan mengambil masa cukup panjang, ia perlu dipertimbangkan dengan melihat ketidakpastian ekonomi global masa hadapan.

Soalnya, apakah kita dapat memastikan bilakah krisis Russia-Ukraine akan berakhir? Apakah krisis geopolitik sama tidak berlaku di wilayah lain contohnya, hubungan dan ketegangan antara China dengan Taiwan yang semakin panas?

#### Kegagalan kuasa besar

Sebenarnya jika kita melihat secara lebih komprehensif dan menyeluruh, kemelesetan ekonomi serta inflasi global disebabkan kegagalan mencapai nilai solidariti antara negara kuasa besar itu sendiri.

Meskipun rakyat negara kuasa besar berasakan impak itu, pemimpin mereka terbabit dalam saingan geopolitik sudah memaksa mereka untuk hidup susah.

Entinya, keputusan strategik dalam dasar luar negara diambil memberikan kesan kepada kerossan aturan ekonomi-politik domestik maupun global, sekali gus keadaan sosioekonomi masyarakat, terutama di negara membangun dan miskin.

Selagi pemimpin dunia, terutama kuasa besar tidak memiliki nilai solidariti dan identiti sebagai masyarakat global, maka kestabilan politik, ekonomi serta perdamaian dunia tidak dapat dicapai sepenuhnya sedangkan masalah sama akan berulang.

Negara kuasa besar terbabit dalam perebutan pengaruh geopolitik dan geostrategik hanya melihat inflasi ekonomi mudah diselesaikan dengan pendekatan monetarisme, termasuk menaikkan kadar faedah.

Hakikatnya, permasalahan sebenar disebabkan kegagalan dalam mengawal egoisme manusia dicerminkan kepada egoisme negara yang selalu bersandar pada kepentingan nasional yang biasanya bersifat subjektif dan relatif.

Negara kuasa besar cenderung bercakap mengenai nilai demokrasi global dalam forum multilateral antarabangsa, namun pada praktiknya ia diabaikan demi mencapai kepentingan ekonomi-politik hingga negara membangun dan miskin menjadi mangsa kesan dasar bersifat chauvinisme.

